

**Kita Perlu Bina Negara Ini Bersama-Sama, Kata Najib
Bernama
14 November, 2012**

KUALA LUMPUR, 14 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini menyeru rakyat Malaysia untuk bersama-sama dengan kerajaan dalam membina sebuah negara yang betul-betul maju tanpa mengira fahaman politik mereka.

Menyatakan Malaysia adalah tempat "di mana kita dilahirkan dan menetap", Perdana Menteri berkata rakyat perlu bersama-sama berusaha menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang tiada tandingannya.

"Ini adalah negara kita dan kita perlu menjadikan Malaysia sebuah negara yang tiada tandingannya dan saya percaya kita boleh melakukannya," katanya pada sesi percambahan minda dengan pemimpin muda "Youth Opinion Leaders For A Better Malaysia", di sebuah restoran di Bangsar di sini hari ini.

Najib berkata beliau menghadiri perjumpaan hari ini bukan kerana pilihan raya umum akan diadakan tidak lama lagi, tetapi apa yang lebih penting ialah untuk menjana idea-idea bagi pembinaan negara bangsa.

"Apa yang penting ialah, kami mahu membina negara ini, dan sebagai Perdana Menteri anda, saya mahu mendengar idea-idea anda dan saya percaya sebahagian idea anda adalah idea yang hebat," katanya.

Menjawab soalan daripada peserta, Najib berkata beliau benar-benar serius dalam usaha untuk melakukan transformasi negara dan amat komited dengan usaha itu.

"Ini kerana saya mempunyai harapan yang banyak untuk negara dan harapan berkenaan boleh diterjemahkan, dan boleh menjadi realiti," katanya.

Beliau berkata sesi bersama golongan muda seumpama itu bagi menjana idea-idea boleh membantu kerajaan dalam melaksanakan program-programnya untuk melakukan transformasi negara.

Perdana Menteri berkata beliau percaya dengan golongan muda kerana mereka mempunyai banyak idea hebat yang dapat memacu pembangunan negara, sambil menyatakan banyak idea hebat telah dikemukakan pada sesi itu yang sebenarnya boleh dilaksanakan.

"Ia bukan idea yang kita boleh anggap sebagai idea khayalan, tetapi idea yang boleh diterjemahkan kepada tindakan," katanya.

Kira-kira 48 peserta terdiri pemimpin belia, wakil media, blogger muda terkenal dan pemimpin muda mengambil bahagian dalam sesi itu untuk berkongsi idea dengan Najib.

Pelbagai topik disentuh pada sesi itu, antaranya cara untuk menambahbaik perkhidmatan pelanggan, sistem pendidikan, pendapatan pelancongan, kebersihan serta mengurangkan kes penyakit kencing manis atau diabetes di negara ini.

Najib kemudiannya melancarkan 'Cabaran Genovasi', yang akan menjadi platform mengujakan untuk rakyat Malaysia, terutamanya golongan muda negara untuk melakukan perubahan positif yang mereka ingin saksikan berlaku di Malaysia.

Cabaran itu adalah sebahagian daripada inisiatif menyeluruh Genovasi yang dilancarkan Najib pada 1 Ogos tahun ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=709131>